

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri, melalui Majlis Keselamatan Negara, bersedia mengadakan mesyuarat bersama dengan semua ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN di daerah Kuantan untuk mencari punca dan penyelesaian berlakunya banjir setiap tahun di musim tengkujuh yang menyebabkan kerugian berpuluh-puluh juta ringgit kepada ribuan penduduk Kuantan dan juga boleh menjana kaedah untuk meminimakan kesan tengkujuh supaya penduduk Kuantan dapat diselamatkan daripada kerugian tahunan tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' RAZALI IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**

**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012) telah memperjelaskan bahawa bencana diuruskan mengikut sistem jawatankuasa dan ianya dibahagikan mengikut peringkat pentadbiran Daerah, Negeri dan Pusat. Setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana ini dipengerusikan oleh Pegawai Kanan di setiap peringkat pentadbiran yang tersebut iaitu Pegawai Daerah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Peranan jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras perancangan tindak balas terhadap bencana dalam konteks persediaan sebelum berlaku bencana, tindakbalas semasa bencana berlaku serta pelaksanaan proses pemulihan pasca-bencana. Dalam hal ini, MKN bertindak selaku urusetia kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang tersebut.

Perbincangan mengenai punca dan penyelesaian banjir di Kuantan telah dibincang dengan lebih lanjut oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan. Penyelesaian secara menyeluruh dalam mengatasi atau mengurangkan situasi banjir yang berlaku pada setiap tahun sudah tentu akan mengambil masa untuk diatasi. Mengenai keperluan perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN-

ADUN adalah tidak timbul memandangkan segala urusan untuk mencari penyelesaian telah diusahakan dan telah mengambil kira pandangan dan input daripada setiap peringkat dan semua pihak.

Namun begitu, ahli-ahli yang terhormat wakil rakyat amat dialu-alukan untuk memberikan cadangan penambahbaikan berkaitan perkara ini secara rasmi kepada Pejabat Daerah.

Sekian. Terima kasih.